

MODUL KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012



**LATIHTUBI BAHASA MELAYU
KERTAS DUA
RUMUSAN DAN PETIKAN UMUM**

(KOMPILASI SOALAN PERCUBAAN SPM KERTAS DUA TAHUN 2011)

**SAZALI BIN IBRAHIM
PENOLONG KANAN PENTADBIRAN
SMK LALOH, KUALA KRAI
KELANTAN**

<http://cikgusazali.blogspot.com>

"ULI SADA LET IT"

LATIHAN 1 : SEKOLAH BERASRAMA PENUH

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan berekreasi dalam kalangan remaja** dan **kekangan yang dihadapi bagi melaksanakannya**. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Kepentingan menjaga kesihatan ialah tanggungjawab yang tidak boleh dipandang mudah dan kita perlu melakukannya bagi memastikan kesihatan tubuh dan kecerdasan minda tidak terganggu. Berekreasi merupakan terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda. Persekitaran hari ini yang serba moden dan canggih menyaksikan kegiatan rekreasi bagi tujuan mengeluarkan peluh tidak lagi tertumpu di taman permainan, sebaliknya boleh dilakukan di pusat kesihatan yang menyediakan pelbagai peralatan senaman moden. Hampir di setiap kawasan perumahan, ada disediakan taman untuk berekreasi.

Bagi golongan remaja, rekreasi yang dilakukan secara teratur, sama ada dilakukan secara berseorangan ataupun berkumpulan, mampu mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Berekreasi, selain berfungsi menyihatkan badan dan memberikan kesihatan yang baik, minda yang cerdas dan menjauhkan diri daripada gejala sosial yang tidak sihat, juga mampu mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan. Kesempatan bertemu dengan rakan baharu dapat membantu membentuk sahsiah diri remaja yang baik, seperti belajar untuk bergaul, menghormati sesama rakan, dan yang paling penting, mengajar mereka untuk tidak mementingkan diri sendiri.

Rekreasi yang dilakukan secara teratur mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan. Pergaulan yang sihat membolehkan remaja berkongsi pengalaman dan semua ini penting sebagai persediaan untuk menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Program rekreasi secara berkumpulan mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian. Secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi diri dan menilai diri serta menghargai usia remaja dengan sebaik-baiknya. Remaja yang suka berekreasi bukan sahaja mempunyai minda yang sihat serta terbuka dalam pergaulan, tetapi juga lebih terarah dalam soal kehidupan berbanding dengan mereka yang tidak melakukan aktiviti rekreasi.

Berekreasi membantu perkembangan psikologi remaja. Sebagai remaja yang **menuju alam kedewasaan** dan perlu membuat pilihan untuk menentukan masa hadapan, biasanya mereka telah ada arah tuju atau pilihan. Berekreasi memudahkan remaja mencari hala tuju dalam kehidupan mereka tanpa terpengaruh oleh persekitaran yang tidak sihat. Mereka akan mudah membuat keputusan kerana memiliki badan yang sihat dan minda yang cerdas. Remaja yang membuat pilihan bijak akan mengecap kejayaan dan mereka yang tersilap langkah akan berdepan dengan kehancuran dan dihipit masalah. Oleh itu, bagi menggalakkan remaja aktif berekreasi, kerajaan telah membina banyak pusat sukan tertutup bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang sihat dan cerdas.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Ayuh Berekreasi',
Dewan Siswa, Januari 2010)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **menuju alam kedewasaan** . [2 markah]
- (ii) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk menggalakkan rakyat berekreasi ? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menggalakkan para pelajar berekreasi . Berikan **tiga** cadangan. [4 markah]

SKEMA SBP

Pendahuluan:

Petikan membincangkan kebaikan/kelebihan/keperluan berekreasi dalam kalangan remaja masa ini.
Petikan membincangkan kepentingan berekreasi dalam kalangan remaja.

2m
0m

Isi Tersurat:

1. Berekreasi merupakan terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda
2. mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka
3. menyihatkan badan dan memberikan kesihatan yang baik, minda yang cerdas
4. menjauhkan diri daripada gejala sosial yang tidak sihat,
5. mampu mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan
6. mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan
7. mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian
8. meningkatkan motivasi diri dan menilai diri serta menghargai usia remaja dengan sebaik-baiknya
9. lebih terarah dalam soal kehidupan
10. membantu perkembangan psikologi remaja

Isi Tersirat:

1. Berekreasi aktiviti membuang masa.
2. Berekreasi aktiviti yang membolehkan.
3. Persekitaran tidak menyeronokkan dan tidak menghiburkan
4. Kurangnya tempat berekreasi/kawasan yang terhad.
5. Kurangnya galakan daripada ibu bapa.
6. Kurangnya kemudahan rekreasi.
7. Terdapat aktiviti alternatif yang lebih menyeronokkan.

Kesimpulan:

Semua pihak mestilah bekerjasama untuk menggalakkan aktiviti rekreasi dalam kalangan remaja agar/supaya generasi remaja yang berkualiti dan seimbang dapat dilahirkan.

Soalan 2(a): Petikan Umum

- (i) Maksud:
- ke arah/mengarah/menghala/dunia/bidang/lingkungan kematangan
- (ii) Usaha-usaha:
- pusat kesihatan yang terdapat pelbagai peralatan senaman moden
 - taman untuk berekreasi di setiap kawasan perumahan
 - kerajaan juga membina banyak pusat sukan tertutup
- (iii) Langkah-langkah:
- melaksanakan kempen di sekolah iaitu 1 Murid 1 Sukan
 - mengadakan Hari kokurikulum
 - mengadakan pertandingan sukan dan permainan
 - mengadakan sukan tahunan
 - memberikan anugerah/penghargaan
 - menubuhkan kelab/persatuan yang baharu
 - mengaktifkan semula kelab yang sedia ada.

LATIHAN 2 : MRSM

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan mempelajari subjek Sejarah dan cara menyuburkan minat pelajar terhadap subjek tersebut**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Dalam negara yang pesat membangun seperti Malaysia) bukan sahaja aspek pencapaian fizikal yang menjadi ukuran, malah pembangunan modal insan dilihat sebagai elemen paling penting dalam **menentukan jatuh bangun** tamadun sesuatu bangsa. Remaja hari ini perlu memikul tanggungjawab yang besar untuk mengekalkan kesejahteraan bangsa dan kemakmuran negara yang telah diasaskan oleh generasi terdahulu.

Dalam konteks ini, subjek Sejarah disandarkan harapan agar dapat menyemai semangat patriotisme yang jitu dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, subjek ini mampu memangkinkan perasaan dan tindakan semua warga untuk mempertahankan negara. Malahan, subjek Sejarah merupakan pendekatan terbaik untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda. Peristiwa dan fakta yang dipelajari dalam subjek Sejarah seperti perjuangan menuntut kemerdekaan sekiranya dihayati boleh menjana pemikiran yang rasional dan matang antara kaum di negara kita. Era globalisasi yang melanda seluruh dunia pula telah menjadikan masyarakat kita terutamanya anak muda mudah terdedah dengan pembaharuan budaya berteraskan Barat. Perkara ini secara tidak langsung akan melunturkan semangat kenegaraan.

Pembelajaran melalui subjek Sejarah mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan ahli keluarga. Selain itu, subjek ini mencetuskan semangat untuk mengetahui sejarah bangsa, masyarakat dan negara. Dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum, menjadi tanggungjawab setiap warga negaranya untuk memahami kebudayaan setiap kaum. Jelaslah bahawa subjek Sejarah melahirkan sikap toleransi dalam diri rakyat negara ini. Subjek Sejarah sebenarnya merangsang semangat ingin tahu dalam diri pelajar. Kaedah inkuiri ini menjadikan mereka memiliki nilai intelek iaitu nilai yang membina pemikiran kritis dan objektif pelajar. Subjek ini juga berperanan mendidik aspek kemasyarakatan seseorang seperti rasa keinsafan dan mengajak pengkajinya mengambil iktibar demi masa depan.

Namun begitu, subjek Sejarah sering dikesampingkan oleh pemahaman sempit pelajar tentang kepentingannya. Pelajar memberi anggapan bahawa kerjaya yang berkait dengan sejarah tidak menjamin masa depan mereka. Pelajar juga merasakan bahawa mereka dipaksa membaca dan mengingati banyak fakta yang berulang-ulang sejak tingkatan satu hinggalah ke tingkatan lima. Kaedah pengajaran yang tidak berkesan dan membosankan juga merupakan salah satu punca subjek ini tidak diminati. Perkara-perkara sebegini perlu diberi perhatian serius. Maka, wajarlah subjek Sejarah terns dimartabatkan bagi membina negara bangsa Malaysia yang kuat dan berdaya saing di peringkat global.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Sejarah Perlu Dipelajari?'
oleh Abdul Ghani Abu, Dewan Siswa, Januari 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata **menentukan jatuh bangun**? [2 markah]
- (ii) Penulis menyatakan beberapa sebab subjek Sejarah sering diabaikan. Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]
- (iii) Subjek Sejarah penting dalam Kurikulum Pendidikan Kebangsaan. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya sekiranya subjek Sejarah tidak dipentingkan? Berikan **tiga** kesan. [4 markah]

SKEMA MRSM

Pendahuluan

Petikan membincangkan kelebihan/keistimewaan/kemaslahatan/keperluan/faedah/manfaat/kebaikan/kesan positif/mustahaknya mempelajari subjek Sejarah. 2m

Petikan membincangkan kelebihan/keistimewaan/kemaslahatan/keperluan/faedah/manfaat/kebaikan/kesan positif/mustahaknya mempelajari subjek Sejarah dan cara-cara menyuburkan minat pelajar terhadapnya. 0m

Petikan membincangkan kepentingan mempelajari subjek Sejarah. 0m

Isi Tersurat

1. menyemai semangat patriotisme (yang jitu dalam kalangan generasi muda)
2. membangkitkan perasaan dan tindakan (semua warga) untuk mempertahankan negara.
3. memupuk semangat perpaduan (dalam kalangan generasi muda).
4. menjana pemikiran yang rasional dan matang antara kaum (di negara kita)
5. mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan ahli keluarga.
6. mencetuskan semangat untuk mengetahui sejarah bangsa, masyarakat dan negara.
7. melahirkan sikap toleransi (dalam diri rakyat negara ini).
8. merangsang semangat ingin tahu dalam diri pelajar.
9. mendidik aspek kemasyarakatan seseorang.
10. mengajak pengkajinya mengambil iktibar demi masa depan.

Isi Tersirat

1. Sukatan pelajaran/ kurikulum subjek Sejarah dipinda/diperbaharu
2. Guru menggunakan kaedah pengajaran terkini/baharu/berbeza
3. Guru mempelbagaikan teknik pengajaran (bercerita, lakonan, bahas dsb)
4. Guru menggunakan medium teknologi maklumat/internet/peralatan multimedia dalam pengajaran
5. Program lawatan ke tempat-tempat penting/bersejarah diadakan
6. Sekolah mengadakan pelbagai program pendidikan bertemakan sejarah (kuiz, pameran, pertandingan esei dsb)
7. Sekolah menjemput tokoh sejarah berkongsi pengalaman
8. Media massa menyiarkan bahan-bahan/rancangan sejarah dengan lebih menarik

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memperkasakan subjek Sejarah agar dapat membina identiti negara bangsa Malaysia yang cemerlang/ demi kesinambungan pembangunan agama, bangsa dan negara.

Soalan 2(a): Petikan Umum

- (i) Maksud menentukan jatuh bangun
 - memastikan / menetapkan maju mundur
 - memastikan / menetapkan berjaya atau gagal
- (ii) Sebab-sebab subjek Sejarah sering diabaikan oleh pelajar ...
 - pemahaman sempit pelajar tentang kepentingannya
 - anggapan kejaya yang berkait dengan sejarah tidak menjamin masa depan
 - mereka dipaksa membaca dan mengingati banyak fakta yang berulang-ulang (sejak tingkatan satu hinggalah ke tingkatan lima)
 - kaedah pengajaran yang tidak berkesan dan membosankan
- (iii) Kesan sekiranya subjek sejarah tidak dipentingkan ...
 - tidak lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM
 - lahir generasi buta sejarah / memandang remeh sejarah Negara
 - muncul generasi yang akan melakukan kesilapan seperti generasi terdahulu
 - perpaduan / keamanan negara tergugat
 - matlamat untuk melahirkan generasi yang bermartabat mulia / berdaya maju tidak tercapai
 - melahirkan masyarakat yang tidak patriotic
 - melahirkan generasi yang tidak mempunyai jati diri

LATIHAN 3 : MELAKA

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dan masalah-masalah perkhidmatan pengangkutan awam. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Masalah kesesakan jalan raya sudah menjadi perkara yang semakin serius. Keadaan ini berlaku disebabkan tiadanya sistem perhubungan yang efisien antara pelbagai jenis pengangkutan awam, perjalanan lambat disebabkan kesesakan, dan sikap warga kota memilih untuk menggunakan kenderaan sendiri. Akhirnya, peningkatan jumlah kenderaan persendirian yang begitu ketara turut menambahkan kesesakan ini yang menjadi sebahagian daripada tekanan kehidupan harian masyarakat kota. Lantaran itu, pihak Kementerian Pengangkutan menyasarkan sebanyak 25 peratus penduduk di negara ini menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam menjelang 2015 bagi mengurangkan kesesakan jalan raya.

Setakat ini, hanya 16 peratus penduduk Malaysia menggunakan pengangkutan awam dan masih belum mencukupi untuk mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Menyedari keperluan tersebut, sebuah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam tanah air. SPAD bertanggungjawab mengawal selia dan merancang perkhidmatan pengangkutan awam. Pihak kerajaan juga sedang berusaha untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu di bandar raya Kuala Lumpur dengan pembinaan pusat beli-belah baharu, Nu Sentral yang bersambung dengan pengangkutan rel di Brickfields sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam, kerajaan telah menimbangkan beberapa inisiatif termasuklah memperluas perkhidmatan LRT dengan memanjangkan laluan. Jawatankuasa tersebut turut membaiki mutu perkhidmatan komuter dengan pembelian koc-koc baharu dan melanjutkan perkhidmatan komuter ke bandar-bandar baharu, selain bandar-bandar yang sedia diliputi. Selain itu, kerajaan berusaha memantapkan perkhidmatan bas-bas awam dengan menambahkan bilangan bas dan hentian, serta laluan-laluan perjalanan bas. Jawatankuasa tersebut juga bersetuju memperuntukkan RM10 bilion kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). SPNB bertanggungjawab untuk menggantikan bas-bas usang dengan bas baharu yang berharga RM400,000 sebuah. Pada masa yang sama, rasanya tidak lengkap jika tidak disentuh soal teksi. Kerajaan memberikan suntikan dana tambahan sebanyak RM100 juta ke dalam Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam. Dana tambahan itu bertujuan untuk memberi pinjaman mudah kepada pemilik teksi individu untuk membeli teksi. Diharap dengan berbuat demikian persepsi warga kota terhadap pengangkutan awam dapat diubah.

Tegasnya, kerajaan amat berharap orang ramai sentiasa menggunakan pengangkutan awam sebagai **pilihan utama** mereka apabila usaha penambahbaikan dilakukan. Kerajaan turut komited untuk mengintegrasikan sistem pengangkutan awam dan menambah baik kemudahan untuk orang kurang upaya. Harapan kita agar semua pengusaha pengangkutan awam turut meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Meningkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam'
Oleh Hj. Samat Buang, *Fokus SPM*, November 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata **pilihan utama**? [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa faktor yang menyebabkan kesesakan jalan raya di negara ini. Nyatakan faktor-faktor tersebut. [3 markah]
- (iii) Soal pemandu teksi mengenakan tambang sesuka hati masih terus menjadi rungutan. Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu dilakukan bagi membanteras sikap pemandu teksi yang menaikkan tambang sewenang-wenangnya? [4 markah]

SKEMA MELAKA

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/cara-cara/kaedah meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di negara kita.

Isi Tersurat

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan oleh kerajaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam tanah air
2. mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu di bandar raya Kuala Lumpur
3. memperluas perkhidmatan LRT dengan memanjangkan laluan
4. memperbaiki mutu perkhidmatan komuter dengan pembelian koc-koc baharu
5. melanjutkan perkhidmatan komuter ke bandar-bandar baharu
6. menambahkan bilangan bas dan hentian, serta laluan-laluan perjalanan bas
7. menggantikan bas-bas usang dengan bas baharu
8. Kerajaan memberikan suntikan dana tambahan sebanyak RM100 juta ke dalam Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam
9. mengintegrasikan sistem pengangkutan awam dan menambah baik kemudahan untuk orang kurang upaya
10. semua pengusaha pengangkutan awam turut meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

Isi Tersirat

1. jadual perjalanan yang tidak menepati masa
2. laluan tidak menyeluruh
3. berlaku kesesakan dalam pengangkutan awam
4. pengguna tidak selesa dengan kemudahan yang disediakan dalam pengangkutan awam
5. keadaan pengangkutan awam yang usang

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat mestilah menggunakan kemudahan pengangkutan awam supaya masalah kesesakan dapat diatasi.

Soalan 2(a): Petikan Umum

- (i) Maksud
- alternatif terbaik/terpenting
- (ii) Faktor
- tiadanya sistem perhubungan yang efisien antara pelbagai jenis pengangkutan awam
 - sikap warga kota memilih untuk menggunakan kenderaan sendiri
 - peningkatan jumlah kenderaan persendirian yang begitu ketara
- (iii) Tindakan
- mendakwa di mahkamah
 - mengenakan saman yang tinggi
 - menggantung lesen mengangkut penumpang (PSV)
 - memberi kaunseling
 - penguatkuasa menyamar sebagai penumpang
 - menggalakkan masyarakat membuat aduan

LATIHAN 4 : JOHOR

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan ibu bapa dalam mengatasi kemerosotan pencapaian akademik pelajar dan kepentingan pencapaian akademik bagi masa depan pelajar. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa di negara ini amat mementingkan pencapaian akademik anak mereka. Namun akhir-akhir ini banyak masalah yang mengganggu pencapaian akademik pelajar seperti masalah tidak beminat belajar, ponteng sekolah, dan masalah disiplin. Masalah ini perlu ditangani segera supaya tidak menular sehingga menggugat pembangunan modal insan di negara ini. Masalah tidak berminat terhadap pelajaran bukan sahaja menyebabkan masa depan pelajar menjadi suram malah **boleh menjejaskan nilai moral**. Hal ini demikian kerana pelajar yang tidak berminat terhadap pelajaran banyak melibatkan diri dalam kes jenayah terutama pelajar yang suka ponteng sekolah.

Menurut kajian psikologi, masalah perhubungan dalam keluarga menyebabkan seseorang anak itu tidak mementingkan pencapaian akademiknya dan melakukan vandalisme malah terjerumus dalam kegiatan jenayah. Begitu juga dengan ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan hidup tidak akan dapat mendidik anak secara sempurna. Tambahan pula, perubahan sistem sosial dan persekitaran mudah mempengaruhi tingkah laku anak-anak menyebabkan mereka melakukan perbuatan negatif, bersikap agresif dan enggan mendengar nasihat. Hal ini mengecewakan ibu bapa mereka.

Bagi mengatasi masalah kemerosotan pencapaian akademik ini, ibu bapa perlu memberikan tumpuan kepada punca berlakunya kemerosotan tersebut. Apabila mengetahui puncanya akan memudahkan masalah itu diatasi. Ibu bapa perlu sedar bahawa peranan mereka amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak. Ibu bapa juga perlu mengutamakan kebahagiaan rumah tangga dan mengelakkan tercetusnya masalah sehingga menjejaskan hubungan kekeluargaan kerana anak-anak ialah kurniaan Tuhan yang tidak ternilai.

Dalam dunia realiti, keluarga yang bahagia tidak semestinya melahirkan anak-anak yang bijak. Namun dengan cara menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar sentiasa harmoni di samping mendidik anak-anak dengan cara meluangkan banyak masa bersama dengan mereka seperti ketika belajar dan beriadah akan dapat membuahkan hasil yang positif. Tidak kurang pentingnya juga ialah ibu bapa perlu mempelajari cara-cara yang berkesan untuk membimbing anak-anak.

Menurut pakar psikologi, langkah praktis yang lain adalah dengan memberikan pujian yang ikhlas atas sesuatu kejayaan terutama dalam pelajaran atau tingkah laku yang baik. Anak-anak juga suka memberikan pendapat mereka, jadi berilah peluang kepada mereka untuk melahirkan pendapat walaupun pendapat itu mungkin kurang munasabah mengikut pandangan orang dewasa. Anak-anak yang selalu diminta memberikan pendapatnya akan berasa diri mereka lebih dihargai. Ibu bapa juga perlu mendengar keluhan anak-anak agar dapat mengatasi masalah emosi mereka. Dalam usaha melahirkan generasi cemerlang, segala usaha perlu bermula daripada institusi keluarga kerana mereka merupakan tonggak penting dalam sesebuah keluarga.

(Dipetik dan diubahsuai daripada 'Dilema Kemerosotan Pencapaian Akademik' oleh Tamcai Lian, Dewan Masyarakat, April 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **boleh menjejaskan nilai moral**. [2 markah]
- (ii) Apakah punca-punca yang menyebabkan anak-anak melakukan perbuatan negatif? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka? [4 markah]

SKEMA JOHOR

Pendahuluan

Petikan membincangkan tugas ibu bapa dalam mengatasi kemerosotan pencapaian akademik pelajar.

Isi Tersurat

1. Ibu bapa perlu memberikan tumpuan kepada punca-punca berlakunya kemerosotan tersebut.
2. Ibu bapa perlu sedar bahawa peranan mereka amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak.
3. Ibu bapa perlu mengutamakan kebahagiaan rumah tangga dan mengelakkan tercetusnya masalah sehingga menjejaskan hubungan kekeluargaan.
4. Ibu bapa harus menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar sentiasa harmoni.
5. Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak dengan cara meluangkan banyak masa bersama dengan mereka.
6. Ibu bapa perlu mempelajari cara-cara yang berkesan untuk membimbing anak-anak.
7. Ibu bapa memberikan pujian yang ikhlas atas sesuatu kejayaan.
8. Ibu bapa perlu memberi petuag kepada anak-anak untuk melahirkan pendapat.
9. Ibu bapa perlu mendengar keluhan anak-anak.

Isi Tersirat

1. Mudah mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam / swasta
2. Mudah mendapat tempat di institusi pengajian tinggi di luar negara.
3. Mudah mendapat pekerjaan / dapat memenuhi pasaran kerja / mencapai cita-cita / menceburi kerjaya yang diminati.
4. Dipandang tinggi oleh masyarakat/disanjung/dihormati.
5. Memperoleh masa depan yang cerah / kehidupan yang selesa / gaji yang tinggi
6. Meningkatkan imej diri/keluarga/sekolah.
7. Dapat bekerja / berkhidmat / meneroka pasaran kerjaya di peringkat antarabangsa

Kesimpulan

Setiap ibu bapa hendaklah berusaha menjadikan anak-anak mereka cemerlang dalam pencapaian akademik demi masa depan mereka yang cerah.

Soalan 2(a) : Petikan umum

- (i) Maksud rangkai kata *boleh menjejaskan nilai moral*;
- dapat/akan merosakkan / meninggalkan kesan tidak baik / mengganggu/menggugat harga / kualiti / perkara-perkara baik
- (ii) Punca-punca:
- masalah perhubungan dalam keluarga
 - ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan hidup
 - perubahan sistem sosial dan persekitaran
- (iii) Usaha-usaha;
- belajar bersungguh-sungguh
 - memberikan tumpuan sepenuhnya / fokus semasa guru mengajar
 - belajar secara berkumpulan
 - membuat jadual waktu belajar
 - mengikuti kelas tambahan / tuisyen
 - mengikuti program motivasi / kecemerlangan / bengkel teknik menjawab
 - mengekalkan disiplin diri / mengamalkan gaya hidup sihat
 - mengamalkan pemakanan yang berzat / seimbang
 - memohon restu daripada ibu bapa
 - berdoa

LATIHAN 5 : PERLIS

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **tanggungjawab remaja sebagai pengguna dan usaha-usaha memupuk kesedaran kepenggunaan dalam kalangan remaja**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Dewasa ini, isu kepenggunaan dalam kalangan remaja menjadi perhatian masyarakat lantaran peningkatan taraf hidup. Persoalannya tidak banyak remaja yang mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Hakikatnya, remaja perlu peka akan peranan mereka sebagai pengguna yang bijak. Mereka juga perlu melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan. Dengan cara ini mereka akan memahami definisi, hak dan tanggungjawab sebagai pengguna. Selain itu, pelbagai cara boleh dilakukan oleh remaja untuk mendapatkan maklumat tentang semua perkara berkaitan isu kepenggunaan. Antaranya menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing.

Remaja tidak seharusnya bersikap hanya mementingkan diri sendiri semata-mata. Sebaliknya, remaja harus berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat. Remaja boleh melaksanakan tanggungjawab sosial ini dengan menggunakan laman sosial yang mudah dan popular dalam kalangan mereka ketika ini. Remaja juga boleh menggunakan perkhidmatan laman sosial ini sebagai **wadah komunikasi** untuk menubuhkan kelab pengguna. Selain itu, mereka juga boleh mengetahui sebarang produk atau perkhidmatan daripada pelbagai sumber.

Selain memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengguna, remaja juga harus mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan. Isu ini boleh dicari dengan mudah melalui media cetak dan elektronik. Antara isu yang mendapat perhatian media ialah isu pengguna remaja yang menjadi mangsa produk tiruan. Sebagai pengguna, remaja juga bertanggungjawab untuk melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu kerana hal ini akan membuka minda remaja untuk berfikir dengan lebih luas sebagai pengguna.

Tanpa kita sedari, pengguna remaja lebih banyak menjadi mangsa berbanding pengguna lain. Hal ini terjadi kerana remaja sendiri yang kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna. Antara sebab lain ialah faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang. Remaja juga sering menjadi mangsa apabila jurujual menggunakan permainan psikologi, justeru remaja bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan.

Isu remaja dan pengguna berlaku sepanjang masa. Oleh itu, remaja bertanggungjawab berfikir dahulu dan mengetahui hak serta tanggungjawab sebagai pengguna bagi mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa. Sebarang isu yang dapat membantu remaja menjadi pengguna yang bijak haruslah dikaji, diselidik dan difahami oleh remaja sendiri.

(Dipetik dan diubahsuai daripada 'Tanggungjawab Remaja Sebagai Pengguna'
oleh Asrul Ilham Sany, *Dewan Siswa*, April 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **wadah komunikasi**. [2 markah]
- (ii) Mengapakah remaja sering menjadi mangsa dalam isu kepenggunaan? [3 markah]
- (iii) Sebagai pengguna, apakah tindakan anda apabila menyedari bahawa anda telah tertipu setelah membeli sesuatu barangan? [4 markah]

SKEMA PERLIS

Pendahuluan

Petikan membincangkan peranan/tugas remaja sebagai pengguna

Isi Tersurat

1. peka akan peranan mereka sebagai pengguna yang bijak
2. melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan
3. menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing
4. berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat
5. menggunakan perkhidmatan laman sosial ini sebagai wadah komunikasi untuk menubuhkan kelab pengguna
6. mengetahui sebarang produk atau perkhidmatan daripada pelbagai sumber
7. mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan
8. melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu
9. mengambil tindakan yang sewajarnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan
10. berfikir dahulu dan mengetahui hak serta tanggungjawab sebagai pengguna.

Isi Tersirat

1. ibu bapa memberi maklumat/ilmu tentang kepentingan kepenggunaan
2. sekolah menubuhkan Kelab Pengguna untuk menyebarkan maklumat kepada pelajar
3. kerajaan menyiarkan kempen tentang hak-hak pengguna melalui media massa
4. Badan Bukan Kerajaan (NGO) memberi ceramah/bengkel/seminar/kursus kepenggunaan
5. menganjurkan pertandingan pidato/forum/penulisan esei yang berkaitan kepenggunaan

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlulah memupuk kesedaran remaja terhadap hak-hak mereka sebagai pengguna agar melahirkan pengguna yang bijak.

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud

- alat/medan/saluran untuk berhubung/berinteraksi/berbincang/bertukar-tukar pendapat

(ii) Sebab-sebab

- remaja sendiri kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna
- faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang
- jurujual menggunakan permainan psikologi

(iii) Tindakan

- membuat aduan kepada Persatuan Pengguna
- melaporkan perkara tersebut kepada Tribunal Tuntutan Pengguna
- memulangkan barang tersebut kepada peniaga
- menuntut ganti rugi

LATIHAN 6 : SABAH

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kebaikan pokok putat dan cara-cara untuk memajukan industri tanaman herba**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pokok putat merupakan pokok yang tumbuh liar di kawasan tanah bencah dan kawasan tebing sungai. Ketinggian pokok putat boleh mencapai sehingga 28 meter. Tumbuhan ini boleh dijumpai di kebanyakan negara di Asia Tenggara, terutama di sekitar sungai dan parit. Tumbuhan ini terkenal kerana digunakan dalam perubatan tradisional untuk rawatan batuk.

Selain itu, kajian yang dilakukan juga menunjukkan bahawa biji tumbuhan ini mampu merawat penyakit ulser. Daun putat berbentuk bujur, panjang, dan tebal. Pucuk putat lembut dan berwarna keunguan dikatakan mempunyai khasiat perubatan yang boleh dijadikan penawar bagi patukan ular dan gigitan tikus. Pucuk putat rasanya sedikit kelat dan lemak serta sesuai dimakan bersama-sama budu. Pucuk putat bukan sahaja menjadi kegemaran serangga tetapi dijadikan ulam oleh masyarakat kampung khususnya, di Kelantan. Ulam pokok putat merupakan ulam yang **sukar diperoleh** kerana pokok putat hanya mengeluarkan pucuk setahun sekali. Walaupun begitu, masyarakat kampung masih tidak menyedari akan kebaikan pucuk putat menyebabkan pokok putat kian terabai lalu mengalami kepupusan.

Tambahan pula, sejak lima tahun kebelakangan ini, pokok putat telah berkurangan kerana tindakan manusia yang mencerooh kawasan tanah bencah dan tebing sungai untuk tujuan pertanian. Tindakan ini menyebabkan penyelidikan terhadap pokok putat semakin sukar dilakukan terutama untuk mendapatkan akar pokok ini yang dikatakan dapat dikomersialkan sebagai sumber bahan antibakteria. Setakat ini pokok putat belum ditanam oleh masyarakat kampung sebagai tanaman makanan atau sayuran. Amalan pemakanan pucuk putat oleh masyarakat kampung telah membantu mereka kekal sihat sepanjang masa kerana kandungan bahan aktif antioksidan yang sangat tinggi dalam daun putat.

Hasil penyelidikan yang dijalankan juga menunjukkan bahawa bahan aktif yang terdapat dalam produk daun putat bersamaan dengan metadon yang digunakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan untuk menjalankan proses menyahtoksik dalam kalangan penagih dadah di seluruh pusat serenti di Malaysia. Di samping itu, tumbuhan ini juga berpotensi untuk dijadikan bahan untuk mengurangkan kesakitan sebagaimana morfin. Namun sayangnya, kerja penyelenggaraan dan pendalaman sungai untuk mengelakkan banjir di sesetengah kawasan menyebabkan kita akan kehilangan salah satu sumber ubat-ubatan herba tradisional yang tidak ternilai ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Putat Merawat Ketagihan Dadah' oleh Lee Seong Wei, Aweng Eh Rak dan Wendy Wee dalam *Dewan Kosmik*, Februari 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata, **sukar diperoleh** berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca kepupusan pokok putat. Nyatakan punca-punca kepupusan pokok putat berkenaan. [3 markah]
- (iii) Herba telah dimanfaatkan oleh masyarakat kita sejak zaman-berzaman tetapi produk herba kurang mendapat sambutan. Pada pendapat anda, mengapakah produk herba kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kini? Nyatakan **tiga** sebab berkenaan. [4 markah]

SKEMA SABAH

Pendahuluan

Petikan membincangkan faedah/manfaat/kemaslahatan/keisitimewaan/keutamaan/kelebihan pokok putat.

Isi tersurat

- 1 digunakan untuk rawatan batuk.
- 2 biji putat mampu merawat penyakit ulser.
- 3 pucuk putat boleh dijadikan penawar bagi patukan ular dan gigitan tikus.
- 4 akar pokok putat dapat dikomersialkan sebagai sumber bahan antibakteria.
- 5 membantu pengamalannya/ penggunaanya kekal sihat sepanjang masa.
- 6 bahan aktif dalam daun putat bersamaan dengan metadon yang digunakan dalam proses menyahtoksik dalam kalangan penagih dadah.
- 7 dijadikan bahan untuk mengurangkan kesakitan.

Isi tersirat

- 1 menanam pokok-pokok herba secara komersial/ besar-besaran.
- 2 menjalankan penyelidikan terhadap khasiat tanaman herba (R&D)
- 3 menggunakan teknologi moden dalam penanaman herba.
- 4 mengadakan promosi/kempen akan kebaikan tanaman herba.
- 5 mengiktiraf khasiat tanaman herba.
- 6 menggalakkan masyarakat memakan herba/ ulam-ulaman.
- 7 mempelbagaikan produk berasaskan herba.
- 8 membantu memasarkan produk tanaman herba.

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah menghargai khasiat pucuk putat supaya/agar pokok ini tidak pupus/ masyarakat akan memperoleh manfaatnya.

Soalan 2(a) - Petikan Umum

- (i) maksud rangkai kata - *sukar diperoleh*
 - susah/payah untuk didapati
- (ii) Punca kepupusan pokok putat
 - 1 masyarakat kampung masih tidak menyedari akan kebaikan pucuk putat.
 - 2 tindakan manusia yang menceroboh kawasan tanah bencah dan tebing sungai untuk tujuan pertanian.
 - 3 kerja penyelenggaraan dan pendalaman sungai untuk mengelakkan banjir.
- (iii) Tiga alasan produk herba kurang mendapat sambutan masyarakat
 - 1 kekurangan bukti saintifik tentang khasiat produk herba.
 - 2 kaedah pemasaran / promosi yang kurang berkesan.
 - 3 sumber produk herba terhad / sukar diperoleh.
 - 4 rasa / bau yang kurang enak / kurang menyenangkan.
 - 5 kesan kemujarabannya lambat.

LATIHAN 7 : KELANTAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca berlakunya tekanan mental dalam kalangan remaja dan langkah-langkah untuk mengatasinya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada Januari 2011, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan Modul Kesihatan Mental di sekolah menengah untuk menangani masalah tekanan mental dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan Modul Kesihatan Mental ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, KKM akan berbincang dengan KPM bagi mencari pendekatan terbaik supaya modul tersebut dapat diajarkan di sekolah. Berdasarkan rekod KKM, bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di hospital awam meningkat daripada 15.6 peratus kepada 400,227 orang pada 2010 berbanding dengan tahun sebelumnya. Kebanyakan pesakit mental terdiri daripada golongan tua, dewasa, dan remaja.

Kebanyakan remaja yang mengalami tekanan mental datang daripada keluarga yang bermasalah. Remaja ini tidak diberi peluang dalam keluarga untuk meluahkan perasaan, pandangan, atau masalah mereka malah kebanyakan mereka hanya memendam rasa. Sekiranya perasaan ini sudah tidak dapat dikawal, remaja tersebut akan cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang kurang menyenangkan lalu bertindak membuta tuli. Ibu bapa yang terlalu menekankan akademik juga menyebabkan mereka mudah mengalami tekanan. Selain itu, penderaan secara fizikal dan mental juga menjadi faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan. Individu yang pernah didera sama ada dipukul atau diperkosa berkemungkinan besar akan mengalami tekanan. Tidak mustahil juga jika dikatakan bahawa kesihatan emosi setiap insan amat berkait rapat dengan kesihatan mentalnya. Seseorang yang hidup mewah tetapi kurang mendapat perhatian dan kasih sayang juga akan mengalami gejala ini. Mereka ini akan hilang semangat untuk hidup.

Kematian seseorang yang disayangi dan penceraian ibu bapa merupakan antara contoh pengalaman yang boleh memberikan kesan buruk termasuklah tekanan mental kepada seseorang. Pengalaman yang berupa tragedi ngeri yang pernah dialami oleh seseorang itu menyebabkan mereka sering mengalami gangguan emosi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa orang yang disayanginya telah meninggal dunia. Kesannya, mereka akan diselubungi kesedihan yang berpanjangan lalu membawa kepada tekanan mental dan sakit jiwa. Terdapat juga segelintir remaja yang gagal mencapai keputusan akademik yang diharapkan juga akan menghadapi situasi yang sama. Mereka akan mengambil keputusan untuk membunuh diri. Kecenderungan untuk mengambil tindakan yang tidak matang ini disokong pula dengan faktor lain seperti sejarah keturunan keluarga. Pakar sakit jiwa membuktikan bahawa tekanan mental boleh dikaitkan dengan keturunan. Jika keluarga ibu atau bapa seseorang itu pernah mengalami tekanan mental yang teruk maka berkemungkinan anak-anak dan generasi seterusnya mudah mengalami tekanan mental. Begitu juga kesan daripada kes bunuh diri yang dipaparkan dalam filem, siri televisyen, mahupun Internet kadangkala membuatkan remaja terpengaruh oleh perbuatan tersebut lantas mereka mengambil tindakan yang sama jika masalah tekanan yang dialami mereka itu berpanjangan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Menangani Masalah Mental*, oleh Yasmin Norhazleena Bahri Md. Noor dan Tuan Nurizan Raja Yunus, Dewan Masyarakat, Mei 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata, **mencari pendekatan terbaik** berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan yang dihadapi oleh remaja jika mereka tidak dapat meluahkan perasaan, pandangan dan masalah mereka kepada keluarga?. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa untuk menangani masalah tekanan anak-anak dalam pelajaran? . [4 markah]

SKEMA KELANTAN

Pendahuluan

Petikan membincangkan faktor/sebab berlakunya tekanan mental dalam kalangan remaja.

Isi Tersurat

1. berpunca daripada keluarga yang bermasalah
2. ibu bapa terlalu menekankan akademik
3. penderaan fizikal dan mental
4. tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada keluarga
5. kematian orang yang disayangi
6. penceraian ibu bapa
7. gagal mendapat keputusan akademik yang diharapkan
8. sejarah keturunan keluarga

Isi Tersirat

1. beriadah/berhibur/berlibur
2. berbincang dengan rakan
3. sentiasa berfikiran positif
4. menyertai kegiatan kemasyarakatan
5. berdoa/mendekatkan diri kepada Tuhan
6. berjumpa dengan pakar psikologi atau psikiatri
7. mengambil ubat-ubatan khusus mengikut preskripsi yang ditetapkan oleh doktor

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani masalah tekanan mental ini agar generasi yang berwawasan dapat dibentuk.

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud

- mendapatkan/memperoleh kaedah/strategi elok/sesuai/semurna

(ii) Kesan

- memendam rasa
- menunjukkan tingkah laku yang kurang menyenangkan
- bertindak membuta tuli

(iii) Peranan ibu bapa

- menjadi pendengar setia/menjadi sahabat jika anak remaja
- meluangkan masa bersama anak-anak
- tidak memberikan tumpuan kepada akademik semata-mata
- tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi
- sentiasa memberikan nasihat/tidak berleter

LATIHAN 8 : PERAK

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara mengelakkan individu daripada keracunan makanan dan kepentingan makanan yang bersih kepada keluarga**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pelbagai pihak menyuarakan rasa kebimbangan terhadap kejadian keracunan makanan yang berlaku di restoran atau di kantin sekolah sejak akhir-akhir ini. Apabila berlaku keracunan makanan, kes ini sering dikaitkan dengan sikap tidak mengambil berat akan kebersihan makanan. Aspek kebersihan perlu diberi perhatian bagi mengelakkan berlakunya pencemaran makanan. Kebersihan yang dimaksudkan bukan sahaja pada makanan yang disajikan di atas meja, tetapi juga di persekitaran dapur. Kita perlu memastikan sinki sentiasa bersih bagi mengelakkan bakteria membiak pada lubang sinki tersebut. Sekiranya kita membawa ahli keluarga menikmati makanan di mana-mana restoran, kita wajar meninjau ruang dapur sama ada bersih ataupun tidak.

Berdasarkan kajian dan laporan makmal, keracunan makanan berlaku akibat jangkitan bakteria, protozoa, penggunaan racun serangga kepada sayuran dan buah-buahan yang berlebihan; virus daripada kulat yang membiak pada makanan dan penggunaan bahan kimia. Kementerian Kesihatan mewajibkan pengendali makanan berada dalam keadaan yang sihat. Di samping itu, mereka perlu mengambil suntikan bagi menghindari penyakit berjangkit. Malangnya, kebanyakan daripada mereka tidak mementingkan kualiti kebersihan diri dan kita sebagai pelanggan tidak pernah menegur pengendali makanan yang tidak peka terhadap nilai kebersihan itu sendiri. Mereka sewajarnya membasuh tangan, memakai apron dan penutup kepala supaya tidak **menimbulkan keraguan** kepada pengunjung ketika pengendali makanan menyediakan makanan. Sesetengah pengendali makanan mengabaikan penutupan makanan. Sepatutnya, setiap makanan hendaklah ditutup supaya tidak terdedah kepada habuk yang menjadi punca pembiakan kuman. Penyedia makanan juga tidak mengambil berat terhadap kebersihan peralatan memasak sedangkan semua peralatan memasak seharusnya dicuci dengan air panas bersabun sebelum dan selepas penyediaan makanan. Pengabaian aspek ini akan mengundang lalat atau serangga memakan sisa-sisa makanan yang ada pada peralatan tersebut.

Selain itu, kita perlu merancang penyimpanan stok makanan mengikut keperluan. Jika membeli daging sebanyak 3 kilogram dan keperluan memasak cuma 1 kilogram, daging selebihnya dibungkus dan disimpan kembali di dalam peti sejuk. Dengan kaedah ini, makanan akan lebih segar, bersih dan bebas daripada jangkitan kuman. Sebelum dimasak, daging daripada peti sejuk perlu dinyahbekukan pada suhu tidak melebihi dua jam di dalam ketuhar gelombang mikro. Elakkan daripada menyimpan daging yang sudah dinyah beku kerana bakteria sudah menapak di dalam daging tersebut. Pada hakikatnya memang sukar untuk membezakan makanan yang telah dicemari atau tidak. Hanya cara pengendalian makanan yang menentukan kebersihan makanan tersebut. Sesungguhnya, setiap individu perlulah berhati-hati ketika mengendalikan makanan yang bersih untuk menjamin kesejahteraan hidup.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengendalian Makanan Bersih Elak Jangkitan Bakteria'
oleh Sidang Pengarang,
Pengguna, Ogos 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **menimbulkan keraguan**.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keracunan makanan.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang dapat anda lakukan untuk membantu seseorang yang mengalami keracunan makanan? .
[4 markah]

SKEMA PERAK

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah/tindakan-tindakan mengelakkan individu daripada keracunan makanan.

2m

Isi Tersurat

1. memastikan sinki sentiasa bersih
2. meninjau ruang dapur sama ada bersih ataupun tidak
3. mewajibkan pengendali makanan berada dalam keadaan sihat
4. pengendali makanan perlu mengambil suntikan
5. pengendali makanan membasuh tangan, memakai apron dan penutup kepala
6. setiap makanan hendaklah ditutup
7. semua peralatan memasak seharusnya dicuci dengan air panas bersabun
8. daging daripada peti sejuk perlu dinyahbekukan pada suhu tidak melebihi dua jam
9. elakkan menyimpan daging yang sudah dinyahbekukan

Isi Tersirat

1. dapat melahirkan individu yang sihat/dapat menjamin tahap kesihatan
2. dapat mengamalkan gaya hidup sihat
3. dapat menikmati kehidupan yang berkualiti
4. dapat mengekalkan khasiat makanan
5. dapat mengelakkan risiko penyakit
6. makanan tersebut selamat dimakan
7. dapat mengekalkan imuniti/daya tahan tubuh badan

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap individu harus memberi perhatian tentang kebersihan makanan supaya keracunan makanan dapat dielakkan

Soalan 2(a) - Petikan umum

(i) Maksud

- mencetuskan/melahirkan rasa curiga/rasa waswas/kesangsian

(ii) Faktor-faktor:

- penggunaan racun serangga
- daripada jangkitan bakteria dan protozoa
- virus daripada kulat yang membiak
- penggunaan bahan kimia

iii) Langkah-langkah membantu:

- menghubungi ambulans
- menghantar mangsa ke hospital/klinik
- merehatkan/menenangkan pesakit
- memberikan susu dan atau air biasa
- memberikan bantuan kecemasan/membuatkan mangsa muntah
- memberikan campuran arang teraktif dengan sedikit air
- tidak memberikan makanan berat (makanan padat)

LATIHAN 9 : KEDAH

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan Klinik 1 Malaysia dan cabaran dalam pelaksanaannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Rancangan penubuhan Klinik 1 Malaysia yang diumumkan oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2010 pada 23 Oktober yang lalu telah menjadi kenyataan. Objektif utama Klinik 1 Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar. Pendekatan ini bersesuaian dengan konsep "Satu Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan memperuntukkan RM10 juta setahun untuk menampung kos operasi bagi 50 buah Klinik 1 Malaysia di seluruh negara.

Penubuhan klinik ini mampu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar. Selain itu, klinik ini juga dapat mempertingkatkan akses penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan rawatan perubatan ringan. Klinik 1 Malaysia dikendalikan oleh seorang penolong pegawai perubatan dan seorang jururawat terlatih. Antara skop perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi perkhidmatan rawatan ringan, susulan kes penyakit kronik, dan melakukan prosedur rawatan ringan. Klinik ini beroperasi setiap hari bekerja bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam dengan melibatkan penggiliran syif bekerja. Semua Klinik 1 Malaysia dibuka di kawasan berpenduduk melebihi 10 ribu orang dan boleh dihubungi dengan cepat dan mudah.

Perkhidmatan perubatan merupakan keperluan asas bagi semua masyarakat di dunia. Malangnya, golongan yang berpendapatan rendah di bandar sering menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan rawatan di klinik mahupun hospital swasta. Tambahan pula, hospital dan klinik kesihatan kerajaan disediakan di kawasan yang terlalu jauh bagi penduduk di kawasan penempatan tertentu. Mereka juga terpaksa berhadapan dengan masalah kesesakan klinik kesihatan di kawasan bandar. Hal yang demikian ini menyebabkan mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti. Kewujudan kemudahan ini membuktikan bahawa kerajaan begitu komited dan mengambil berat masalah kesihatan rakyat. Jabatan Kesihatan sentiasa memantau klinik ini bagi memastikan segala kemudahan dan bekalan ubat mencukupi. Klinik 1 Malaysia juga menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum. Selain itu, Klinik 1 Malaysia dapat mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan.

Kenaikan harga barangan pengguna yang ketara menyebabkan penduduk berpendapatan sederhana jatuh ke status golongan berpendapatan rendah. Keadaan ini menjadi penghalang mereka mendapatkan perkhidmatan perubatan yang lebih berkualiti di klinik dan hospital swasta kerana melibatkan kos yang tinggi. Di samping itu, Klinik 1 Malaysia dapat mengurangkan kebergantungan orang ramai terhadap klinik-klinik swasta yang mengenakan harga sesuka hati. Sewajarnya, kewujudan klinik ini dipandang positif kerana mengambil kira kebajikan rakyat **tanpa sebarang prejudis**. Klinik ini juga tidak mementingkan keuntungan kerana mengenakan bayaran serendah RM1.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Klinik 1 Malaysia Memenuhi Aspirasi Rakyat'
oleh Noor Mohamad Shakil Hameed,
Dewan Masyarakat, Mac 2010)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **tanpa sebarang prejudis**.
[2 markah]
- (ii) Apakah masalah yang dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah di bandar untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan? .
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Klinik 1 Malaysia? .
[4 markah]

SKEMA KEDAH

Pendahuluan

Petikan membincangkan peri mustahaknya/kebaikan/kelebihan/manfaat Klinik 1Malaysia kepsda rakyat/masyarakat di negara ini/penduduk di bandar.

Isi Tersurat

1. menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan ringan kepada penduduk di kawasan bandar
2. bersesuaian dengan konsep 'Satu Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'
3. mampu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar
4. mempertingkatkan akses penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapat rawatan perubatan ringan.
5. lokasinya berhampiran dengan penempatan orang ramai/di kawasan padat penduduk yang menjadikannya mudah dan cepat dihubungi.
6. kerajaan begitu komited/mengambil berat masalah kesihatan rakyat
7. menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum
8. mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan
9. mengurangkan kebergantungan orang ramai terhadap klinik swasta yang mengenakan harga sesuka hati
10. mengambil kira kebajikan rakyat/tidak mementingkan keuntungan kerana mengenakan bayaran serendah RM1

Isi Tersirat

1. Klinik 1Malaysia terpaksa bersaing dengan perkhidmatan klinik swasta
2. orang ramai belum yakin perkhidmatannya kerana rawatan dikendalikan oleh pembantu perubatan
3. golongan masyarakat yang berpendapatan tinggi mengambil kesempatan mendapat rawatan dengan bayaran yang murah.
4. perkhidmatannya pada hari-hari bekerja sahaja.
5. kekurangan petugas yang ditempatkan di sesebuah klinik
6. bilangan klinik 1Malaysia masih berkurangan berbanding jumlah rakyat berpendapatan rendah.

Kesimpulan

Semua pihak perlu menyambut baik penubuhan Klinik 1Malaysia supaya keperluan asas ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Soalan 2(a) - Petikan umum

(i) Maksud

- tiada prasangka langsung/tiada anggapan lanjut

(ii) Masalah yang dihadapi

- kewangan untuk mendapatkan rawatan di klinik/hospital swasta
- hospital/klinik terletak jauh
- kesesakan klinik kesihatan di bandar
- mengambil masa yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan

iii) Langkah

- doktor yang berkecualan
- perkhidmatan tujuh hari seminggu
- pemantauan yang berkesan oleh jabatan kesihatan
- bekalan ubat yang berkualiti sentiasa mencukupi
- layanan mesra/mesra pengguna
- kemudahan peralatan kesihatan yang berkualiti
- perkhidmatan perubatan yang standard di seluruh negara

LATIHAN 10 : NEGERI SEMBILAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **keistimewaan sejarah dalam kehidupan dan langkah-langkah meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran sejarah**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejarah ialah peristiwa yang sudah berlaku dalam kehidupan harian kita. Sejarah berkaitan dengan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara. "Sesiapa yang melupai sejarah pasti akan mengulangnya," itulah kata-kata George Santayana yang dipetik daripada setiap bab dalam buku teks sejarah yang digunakan di sekolah. Kita perlu menyelidik dan mendapatkan bukti yang sah tentang sejarah negara daripada sumber yang sahih. Kita juga harus tidak mudah terpengaruh oleh maklumat yang dapat melemahkan semangat patriotisme kita.

Menghayati sejarah negara, akan melatih kita menyanjung tinggi jasa masyarakat terdahulu dan kebenaran fakta sejarah. Sejarahwan ada mengatakan bahawa manusia tanpa sejarah akan kehilangan jati diri mereka. Sejarah merupakan satu daripada elemen penting pembentukan jati diri dan menjadikan kita bangga akan masa silam negara kita yang cemerlang. Sejarah negara turut **menyemarakkan semangat patriotisme** dalam diri kita. Dalam hal ini, pengetahuan tentang warisan sejarah negara dapat membentuk keperibadian diri yang masih utuh dengan nilai, adat, budaya, agama, bangsa dan negara dalam kalangan rakyat, terutama generasi muda.

Sejarah mengajar kita tentang tindak-tanduk manusia yang dapat dijadikan teladan dan garis panduan dalam menguruskan perlakuan dan keputusan kita pada masa sekarang. Pengetahuan sejarah yang mendalam dapat dijadikan panduan bagi membentuk jati diri seseorang tentang negaranya. Pengetahuan sejarah tentang kemusnahan dan kesengsaraan manusia akibat konflik dan peperangan menjadi pengajaran untuk mengelakkan persengketaan antara kita. Kekuatan keperibadian diri yang cita akan kedamaian membuatkan kita benci akan persengketaan dan perbalahan sesama manusia. Jati diri individu membolehkan mereka mengenal diri dengan melihat kekuatan dan kelemahan diri sendiri.

Sejarah keluarga dapat memperlihatkan kekuatan institusi keluarga yang kita warisi. Apabila kita mengetahui asal-usul diri dan keluarga, hal ini sudah tentu akan menguatkan semangat kekitaan dan tanggungjawab dalam kalangan anggota keluarga. Oleh itu, keperibadian diri yang kukuh juga turut menjadikan seseorang itu lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negaranya. Catatan sejarah yang memaparkan latar belakang proses pemasyarakatan dapat menyedarkan remaja tentang warisan kebudayaan negara. Dengan cara ini, sejarah akan melahirkan individu yang berjiwa besar terhadap negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Sejarah Membina Jati Diri'
oleh Koo Kee Ping,
Dewan Siswa, Januari, 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata **menyemarakkan semangat patriotisme**?
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa contoh kesan kekuatan jati diri kepada individu. Nyatakan kesan-kesan tersebut.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk menghargai jasa pejuang kemerdekaan negara? .
[4 markah]

SKEMA NEGERI SEMBILAN

Pendahuluan

Petikan membincangkan peranan/faedah/kebaikan/kelebihan/kepentingan sejarah dalam kehidupan

Isi Tersurat:

- 1 melatih kita menyanjung tinggi jasa masyarakat terdahulu
- 2 kebenaran fakta sejarah
- 3 elemen penting pembentukan jati diri/ membentuk keperibadian diri yang masih utuh dengan nilai, adat, budaya, agama, bangsa dan negara dalam kalangan rakyat, terutama generasi muda/ dapat dijadikan panduan bagi membentuk jati diri seseorang tentang negaranya
- 4 menjadikan kita bangga akan masa silam negara kita yang cemerlang
- 5 turut menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri kita
- 6 mengajar kita tentang tindak-tanduk manusia yang dapat dijadikan teladan dan garis panduan
- 7 menjadi pengajaran untuk mengelakkan persengketaan antara kita
- 8 dapat memperlihatkan kekuatan institusi keluarga yang kita warisi
- 9 menguatkan semangat kekitaan dan tanggungjawab dalam kalangan anggota keluarga
- 10 menyedarkan remaja tentang warisan kebudayaan negara
- 11 akan melahirkan individu yang berjiwa besar terhadap negara.

Isi Tersirat

- 1 ibu bapa memperkenalkan konsep sejarah dari peringkat awal – sejarah keluarga
- 2 sekolah/guru mengadakan kaedah pembelajaran yang pelbagai
- 3 mengadakan pertandingan
- 4 menyambut Bulan Patriotisme
- 5 memperbanyakkan filem sejarah

Kesimpulan

Kesimpulannya setiap individu harus mempelajari/menghayati sejarah agar semangat cinta akan negara dapat dipupuk.

Soala 2(a) - Petikan umum

- (i) Maksud
 - menghidupkan/membangkitkan perasaan cinta akan negara/tanah air/watan
- (ii) Kesan kekuatan jati diri
 - kekuatan jati diri yang cinta akan kedamaian membuatkan kita benci akan persengketaan dan perbalahan sesama manusia
 - jati diri individu membolehkan mereka mengenali diri dengan melihat kekuatan dan kelemahan diri sendiri
 - menjadi seseorang itu lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negaranya
- (iii) Usaha-Usaha:
 - menjaga kebajikan pejuang negara yang masih hidup
 - menulis buku/biografi
 - sejarah perjuangan dimasukkan ke dalam buku teks sejarah
 - mengabadikan nama-nama tokoh pada sekolah/jalan/bangunan dll.
 - memberikan anugerah kepada tokoh
 - mewujudkan makan negara/membina monumen

LATIHAN 11 : SELANGOR

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan bersarapan dan usaha-usaha untuk menggalakkan tabiat bersarapan dalam kalangan masyarakat**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tabiat pemakanan yang sihat adalah dengan pengambilan sarapan, makan tengah hari, dan makan malam secara tetap. Sarapan merupakan pengambilan makanan pada waktu pagi sebagai alas perut sebelum melakukan aktiviti seharian. Jumlah yang dimakan lebih kurang satu pertiga daripada jumlah makanan seharian. Kebiasaannya, di negara kita sajian sarapan berupa kuih-muih, nasi lemak, roti canai, dan nasi goreng. Tabiat bersarapan mempunyai pelbagai kepentingan dalam kehidupan manusia.

Sajian sarapan membekalkan zat gizi yang mempengaruhi stamina dan tumpuan seseorang murid di dalam darjah. Mereka yang kekurangan zat gizi biasanya akan cepat berasa lemah, lesu, pucat, pening, penat, dan hilang tumpuan. Sajian sarapan yang baik adalah dengan mengikut panduan piramid makanan. Sekurang-kurangnya seseorang harus bersarapan dengan sepotong roti, sebutir telur, dan segelas susu. Semua orang harus tahu bahawa sarapan merupakan penyumbang utama tenaga untuk memulakan aktiviti seharian dengan lebih baik. Sememangnya tidak mudah untuk menerapkan amalan bersarapan sebagai **rutin komuniti moden**, terutama dalam kalangan kanak-kanak. Mengambil sarapan yang berkhasiat dapat membantu seseorang menurunkan berat badan. Hal ini merupakan amalan yang tidak disedari oleh orang ramai. Malahan, pengambilan sarapan setiap hari akan mengurangkan risiko diabetes, penyakit jantung, dan strok.

Para saintis mentakrifkan sarapan sebagai sajian yang mampu mengaktifkan saraf otak. Pengambilan sajian makanan secara betul pada awal pagi mempunyai kaitan dengan kecergasan mental. Hal ini demikian kerana sarapan memberikan kesan positif terhadap aktiviti otak supaya lebih cergas, peka, dan fokus. Sarapan juga secara tidak langsung mendatangkan pengaruh positif semasa melaksanakan tugas sama ada di sekolah ataupun di tempat kerja. Kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Nestle (M) Berhad pada tahun 2001 terhadap 12 000 orang murid sekolah rendah mendapati bahawa lebih 30 % kanak-kanak sekolah rendah tidak bersarapan. Kajian tersebut mendapati bahawa pengambilan sarapan secara tidak teratur menyebabkan 2% kanak-kanak mengalami masalah berat badan dan 13.2% kanak-kanak mengalami masalah kurang berat badan.

Orang yang bersarapan mempunyai tubuh yang lebih langsing dibandingkan dengan mereka yang tidak bersarapan. Menurut Ketua Unit Pengurusan Pemakanan dan Reproduksi, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), kegagalan mengamalkan tabiat pemakanan yang baik merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah pertambahan berat badan dalam kalangan masyarakat. Sementara itu, tabiat pemakanan yang baik dapat mencegah polip usus dan kanser kolon. Masyarakat dinasihatkan supaya tidak mengabaikan sarapan supaya mendapat kehidupan yang lebih berkualiti.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kebaikan Bersarapan'
oleh Mohammad Firdaus Md Tahir,
Dewan Siswa, November, 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **rutin komuniti moden**. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan jika seseorang itu mengabaikan pengambilan sarapan. Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Walaupun tabiat bersarapan mempunyai pelbagai kebaikan dalam kehidupan manusia namun masih terdapat banyak pihak yang tidak mengambil sarapan. Pada pendapat anda, mengapakah hal ini berlaku? Huraikan **dua** sebab. [4 markah]

SKEMA SELANGOR

Pendahuluan

Petikan membincangkan manfaat pengambilan sarapan dalam kalangan masyarakat.

Isi Tersurat

1. membekalkan zat gizi yang mempengaruhi stamina dan tumpuan seseorang murid di dalam darjah
2. penyumbang utama tenaga untuk memulakan aktiviti seharian dengan lebih baik
3. membantu seseorang menurunkan berat badan
4. mengurangkan risiko diabetes, penyakit jantung, dan strok
5. mampu mengaktifkan saraf otak
6. mendatangkan pengaruh positif semasa melaksanakan tugas sama ada di sekolah ataupun di tempat kerja
7. Orang yang bersarapan mempunyai tubuh yang lebih langsing
8. dapat mencegah polip usus dan kanser kolon
9. mendapat kehidupan yang lebih berkualiti.

Isi Tersirat

1. kerajaan mengadakan kempen melalui media massa
2. ibu bapa menyediakan sarapan untuk anggota keluarga
3. pihak sekolah menggalakkan pelajar bersarapan sebelum memulakan pembelajaran
4. pihak swasta mempromosikan pelbagai sarapan yang berkhasiat

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat mestilah mengamalkan tabiat bersarapan supaya kesihatan mereka akan lebih terjamin.

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud

- amalan/tabiat masyarakat/rakyat maju/kontemporari

(ii) Kesan

- akan cepat berasa lemah, lesu, pucat, pening, penat,
- hilang tumpuan
- menyumbang kepada masalah pertambahan berat badan dalam kalangan masyarakat

(iii) Sebab

- tidak sempat bersarapan kerana faktor masa yang terhad
- tidak berselera untuk bersarapan
- sarapan tidak sempat disediakan

LATIHAN 12 : TERENGGANU

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pembalakan haram dan kepentingan mengekalkan kawasan hutan**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Satu demi satu pendedahan dibongkarkan media massa mengenai pembalakan haram bagi memenuhi kehendak pembangunan tanpa mempedulikan kesejahteraan habitat haiwan atau tumbuhan di sesuatu kawasan yang terlibat. Berikutan itu, timbul beberapa persoalan, antaranya adakah kes pembalakan haram semakin serius dan sebagai perbandingan, berapakah bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran di hutan simpan? Selain itu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencegah pembalakan haram?

Risikan bersepadu yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Perhutanan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berkala telah berjaya membongkarkan beberapa kes pembalakan haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kes yang ditemui di Bukit Enggang, Bandar Sungai Long, Selangor misalnya ialah hasil daripada risikan yang dijalankan. Pada tahun 2010 sahaja, lima tangkapan dengan hukuman penjara selama 10 bulan dikenakan dan tiga tangkapan lagi dikenakan hukuman penjara 11 bulan terhadap mereka yang didapati bersalah.

Kerajaan telah memperuntukkan RM150,000 hingga RM200,000 setahun menerusi Projek Pembalakan Haram Sifar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor khususnya bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Pemantauan melalui udara menggunakan helikopter turut dijalankan sebagai langkah membanteras kegiatan ini. Sistem Pengurusan Memilih (SMS) pula merupakan satu sistem pengurusan hutan yang diamalkan di dalam kawasan hutan asli yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi menjamin pengeluaran hasil hutan, khususnya kayu balak secara mapan iaitu selepas mencapai tempoh matang antara 25 hingga 55 tahun.

Sistem ini membolehkan banciaan bagi menentukan had tebaran pokok yang matang di dalam kawasan HKS yang dikenal pasti mengikut had keluasan tebaran tahunan yang ditetapkan Majlis Perhutanan Negara. Jabatan Perhutanan juga menetapkan bahawa had tebaran ditentukan berasaskan dua jenis utama kayu balak iaitu damar (dipterokarpa) seperti spesies pokok cengal, meranti dan keruing serta bukan damar (bukan dipterokarpa) yang meliputi pokok merbau, kempas dan nyatuh. Hal ini bertujuan bagi memastikan sekurang-kurangnya 25 peratus daripada hutan yang ditinggalkan selepas pembalakan terdiri daripada pokok dari jenis damar yang **menjadi identiti** hutan hujan negara ini. Banciaan terhadap anak-anak pokok yang tinggal akan dilaksanakan selepas pembalakan bagi menentukan rawatan sesuai untuk pertumbuhannya.

Oleh sebab pembalakan haram banyak mendatangkan kerugian kepada kehidupan kita dan ekosistem semula jadi, maka kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu generasi akan datang tidak dapat melihat dan menikmati keindahan flora dan fauna lantaran kesan-kesan pembalakan haram.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Sejauh mana Kes Pembalakan Haram Diselesaikan Tanpa Persoalan' oleh Wan Jailani Razak, *Berita Harian*, 10 Mei 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **menjadi identiti**. [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri Sistem Pengurusan Memilih. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan aktiviti pembalakan haram terhadap alam sekitar?. [4 markah]

SKEMA TERENGGANU

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/cara-cara/pendekatan yang diambil untuk mencegah pembalakan haram.

Isi Tersurat

- 1 menjalankan risikan bersepadu antara pegawai Jabatan Perhutanan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- 2 mengenakan hukuman penjara bagi mereka yang bersalah
- 3 menjalankan Projek Pembalakan Haram Sifar
- 4 pemantauan melalui udara
- 5 mengamalkan pengurusan hutan secara Sistem Pengurusan Memilih
- 6 Jabatan Perhutanan menentukan had tebang
- 7 melakukan bancian anak pokok yang tinggal selepas tebang
- 8 menjalankan proses rawatan terhadap anak-anak pokok

Isi Tersirat

- 1 mengekalkan habitat kehidupan/flora dan fauna
- 2 mengekalkan ekosistem semulajadi
- 3 punca pencarian kehidupan Orang Asli
- 4 punca ekonomi negara

Kesimpulan

Semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani masalah pembalakan haram agar khazanah hutan untuk generasi yang akan datang terpelihara.

Soalan 2(a) : Petikan umum

- (i) Maksud
 - merupakan lambang/mercu tanda/penanda
- (ii) Sistem Pengurusan Memilih ialah
 - satu sistem pengurusan hutan
 - dijalankan/diamalkan di kawasan hutan asli
 - untuk menjamin pengeluaran hasil hutan/kayu balak
 - menentukan had tebang mengikut had keluasan
- iii) Kesan-kesan.
 - akan memusnahkan ekosistem alam
 - mengancam habitat flora dan fauna
 - menyebabkan suhu bumi/alam sekitar meningkat
 - berlakunya pencemaran alam

LATIHAN 13 : PAHANG

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha ke arah pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan tersebut**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sebaik-baik sahaja sesi persekolahan 2011 bermula, gagasan dan rancangan transformasi pendidikan yang meliputi dasar satu murid bergiat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan mula dilaksanakan yang dikenali sebagai Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S). Dasar ini bertujuan untuk mengembalikan kecemerlangan sukan di sekolah di Malaysia, dan dapat meningkatkan semangat persaingan yang sihat. Selain itu aktiviti sukan juga dapat merapatkan hubungan dan meningkatkan persefahaman antara kaum, seterusnya boleh mewujudkan semangat 'esprit de corp' iaitu saling membantu antara satu sama lain.

Dari segi pelaksanaannya, Kementerian Pelajaran mengingatkan pihak pentadbir sekolah bahawa pelaksanaan dasar 1M1S mulai tahun 2011 adalah dikhususkan untuk murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan. Mereka juga hendaklah wajib didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan yang ditawarkan oleh pihak sekolah. Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik supaya dapat meningkatkan penyertaan dan membantu dalam **perkembangan potensi** setiap murid dalam bidang sukan. Seterusnya pihak sekolah hendaklah mengoptimalkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada di sekolah. Selain itu, pihak sekolah perlu memastikan kawasan persekitaran sekolah mestilah kondusif dengan mengutamakan keselamatan murid.

Perkara lain yang diambil kira ialah pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan di sekolah. Selain itu, pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun. Menurut Menteri Pelajaran, pelajar yang terlibat dalam 1M1S akan diberi bantuan pakaian. Walau bagaimanapun, bantuan pakaian itu akan dimulakan di peringkat sekolah rendah terlebih dahulu. Bagi melancarkan perjalanan sukan di sekolah, kerajaan perlu menubuhkan bahagian sukan secara berasingan serta memasukkan elemen sukan dalam Standard Kualiti Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, lima Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah dikenal pasti bagi melatih guru-guru sukan.

Dasar mengembalikan sukan di sekolah-sekolah bukanlah satu perkara yang baharu, tetapi hanya untuk meneruskan dasar yang telah dilakukan dahulu. Di samping itu, dasar tersebut juga bertujuan membawa balik budaya yang telah dilupakan akibat penekanan yang keterlaluan terhadap pencapaian akademik sehingga mengabaikan pencapaian dalam bidang sukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan' oleh Haji Samat Bin Buang, Fokus SPM, Februari 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **perkembangan potensi**. [2 markah]
- (ii) Apakah tujuan Dasar 1Murid 1Sukan diperkenalkan pada tahun 2011?. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan bersukan kepada para pelajar? Kemukakan **tiga** kepentingan bersukan. [4 markah]

SKEMA PAHANG

Pendahuluan

Petikan membincangkan langkah-langkah / strategi / cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan ke arah pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan di Malaysia.

Isi Tersurat

1. Pihak sekolah hendaklah membuat perancangan bagi pengurusan aktiviti sukan di sekolah secara sistematik
2. Pihak sekolah hendaklah mengoptimumkan penggunaan kemudahan, peralatan dan kepakaran yang sedia ada.
3. Memastikan bahawa kawasan sekolah mestilah kondusif dengan mengutamakan keselamatan
4. Pihak sekolah digalakkan untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan agensi atau pihak luar bagi program pembangunan sukan.
5. Pihak sekolah hendaklah memastikan aktiviti sukan dijalankan sepanjang tahun.
6. Pelajar yang terlibat akan diberi bantuan pakaian.
7. Kerajaan menubuhkan Bahagian Sukan secara berasingan.
8. Kerajaan memasukkan elemen sukan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia.
9. Lima Institut Pendidikan Guru Malaysia dikenal pasti bagi melatih guru sukan.

Isi Tersirat

1. Tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa.
2. Pelajar lebih mementingkan akademik daripada bersukan.
3. Kekangan masa untuk melaksanakan aktiviti sukan.
4. Kekurangan tenaga pakar dalam pelbagai bidang sukan.
5. Kos penyelenggaraan kemudahan / peralatan yang tinggi.
6. Tiada sokongan daripada agensi luar / swasta.
7. Masyarakat menganggap bidang sukan tidak menjamin masa depan.

Kesimpulan

Kesimpulannya pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan perlu diberi perhatian oleh semua pihak demi melahirkan masyarakat yang berkualiti / cemerlang / berwawasan.

Soalan 2(a) - Petikan umum

(i) Maksud

- peningkatan / peluasan kebolehan / bakat

(ii) Tujuan dasar Satu Sukan Satu Murid diperkenalkan

- Mengembalikan kecemerlangan sukan di sekolah.
- Meningkatkan semangat persaingan yang sihat.
- Merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum.
- Mewujudkan semangat 'esprit de corp' iaitu saling membantu antara satu sama lain.

(iii) Tiga Kepentingan bersukan kepada para pelajar.

- Memupuk semangat kesukanan dalam kalangan pelajar.
- Menerapkan nilai-nilai kepimpinan.
- Menaikkan nama sekolah.
- Memenuhi syarat sebanyak 10% markah kokurikulum.
- Melahirkan pelajar yang berdisiplin / patuh pada arahan / taat kepada ketua.
- Memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar.
- Melahirkan pelajar yang aktif / sihat.

LATIHAN 14 : SARAWAK

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha membendung pencemaran alam sekitar dan kepentingan mewujudkan alam sekitar yang bersih**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

"Bumi yang tiada rimba, seumpama hamba, dia dicemar manusia, yang jahil ketawa." Begitulah antara bait lagu *Hijau* dendangan Zainal Abidin. Seni kata lagu itu menceritakan kemusnahan alam sekitar akibat kerakusan manusia. Sikap manusia memang menjadi faktor utama pencemaran alam sekitar. Buktinya, kini berlaku perubahan cuaca yang tidak menentu, penipisan lapisan ozon, banjir kilat, kenaikan suhu global dan pencemaran udara serta air bertoksin. Ketika ini, pelbagai pihak tampil mempromosikan usaha memelihara alam sekitar menerusi media secara serius. Namun usaha tersebut masih di peringkat awal, kerana majoriti masyarakat seolah-olah belum peka dengan masalah alam sekitar. Banyak pihak yakin cara terbaik untuk memelihara dan memulihara alam sekitar adalah dengan memberikan pendidikan awal kepada golongan kanak-kanak berkaitan alam sekitar. Pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungunya" adalah tepat untuk usaha ini.

Banyak lagi usaha yang boleh dilakukan termasuk mengasuh mereka menggunakan sumber alam secara berhemat terutamanya penggunaan air dan elektrik. Sebagai contoh, air mandian dan basuhan boleh dikitar semula untuk menyiram pokok. Contoh yang lain, lampu dan peralatan elektrik lain perlu ditutup jika tidak digunakan lagi. Selain itu, menggalakkan mereka membuang sampah di tempat yang disediakan. Didik mereka untuk kitar semula dengan mengasingkan jenis-jenis sampah yang boleh dikitar semula dan yang tidak boleh seperti botol, plastik, kaca, dan kertas. Wujudkan tong sampah mengikut jenis-jenis bahan buangan tersebut. Malah, kita perlu mengajar anak-anak mengumpulkan bahan buangan seperti tin aluminium dan surat khabar lama dan seterusnya dibawa ke pusat kitar semula. Cara ini boleh menambahkan tabungan. Didik anak-anak membuat baja kompos dengan sisa makanan. Baja tersebut digunakan untuk pokok bunga atau sayur-sayuran yang ditanam di halaman. Dengan ini, mereka akan turut dididik dengan konsep "berbakti kepada tanah."

Majalah-majalah dan surat khabar boleh digunakan semula oleh anak-anak dengan cara mengumpulkan atrikel-artikel tertentu untuk dijadikan buku skrap atau ensiklopedia peribadi tentang topik yang menjadi minat mereka. Pendekatan ini akan **membantu menjana pemikiran** mereka. Terapkan sifat berjimat cermat seperti menggunakan semula barang-barang lama dan dijadikan kraf tangan seperti beg, selimut, atau alas meja. Tin atau botol plastik pula boleh diubah suai menjadi tabung, bekas alat tulis, atau arca. Pakaian anak-anak yang tidak lagi digunakan mungkin boleh didermakan kepada rumah-rumah kebajikan atau anak yatim. Cara ini dapat mendidik mereka menjadi pemurah selain menggalakkan mereka menyertai program berkaitan pemeliharaan alam sekitar, misalnya menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan kejiranan, menyertai ceramah atau kempen penjagaan alam sekitar.

Kita perlu sedar bahawa walaupun usaha tersebut kelihatan kecil tetapi jika semua orang melakukannya, usaha ini banyak menghasilkan kesan yang positif kepada alam sekitar. Usaha terus dilakukan, tetapi masyarakat menganggap masalah alam sekitar tanggungjawab kerajaan sepenuhnya. Keadaan lebih buruk apabila masyarakat menganggap hal-hal berkaitan alam sekitar tidak penting, berbanding perut yang perlu diisi. Tegasnya, kita perlu bertindak sebelum nasi menjadi bubur.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Surat Pembaca'
Utusan Malaysia, 18 November 2009)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **membantu menjana pemikiran**. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** sikap negatif masyarakat berkaitan dengan alam sekitar. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi dalam jangka masa panjang sekiranya masalah alam sekitar tidak diberi perhatian oleh kerajaan?
Kemukakan **empat** kesan. [4 markah]

SKEMA SARAWAK

Pendahuluan

Petikan membincangkan cara-cara/langkah-langkah/tindakan-tindakan/pendekatan yang digunakan untuk mengatasi pencemaran alam di Malaysia @ dalam kalangan masyarakat.

Isi Tersurat

1. mempromosikan usaha memelihara alam sekitar
2. memberikan pendidikan awal kepada golongan kanak-kanak
3. mengasuh mereka menggunakan sumber alam secara berhemat
4. menggalakkan mereka membuang sampah di tempat yang disediakan
5. mengajar anak-anak mengumpul bahan buangan
6. mendidik anak-anak membuat baja kompos dengan sisa makanan
7. majalah-majalah atau surat khabar lama boleh digunakan semula oleh kanak-kanak.
8. terapkan sifat berjimat cermat seperti menggunakan barang-barang lama dan dijadikan kraf tangan.
9. pakaian kanak-kanak yang tidak digunakan boleh didermakan kepada rumah-rumah kebajikan atau anak yatim
10. menggalakkan mereka menyertai program berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar.

Isi Tersirat

1. persekitaran menjadi bersih dan sedap mata memandang
2. pelbagai bencana seperti tanah runtuh dan banjir kilat dapat dielakkan
3. memudahkan usaha kerajaan membendung penyakit berjangkit
4. rasa cinta terhadap alam sekitar dapat diwujudkan

Kesimpulan:

Kesimpulannya, alam sekitar yang bersih perlulah dikekalkan **agar** generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Soalan 2 (a) Petikan Umum

- (i) Maksud:
- membuka cara berfikir
 - menggalakkan penaakulan
 - menolong membuat pertimbangan dengan logik
- (ii) Sikap negatif:
- majoriti masyarakat seolah-olah belum peka dengan masalah alam sekitar
 - masyarakat menganggap masalah alam sekitar tanggungjawab kerajaan sepenuhnya.
 - masyarakat menganggap hal-hal alam sekitar tidak penting berbanding perut yang perlu diisi
- (iii) Kesan:
- kemusnahan alam sekitar secara besar-besaran akan berlaku
 - sampah sarap dan bahan buangan akan terbiar di kawasan lapang lalu menyebabkan jangkitan penyakit berbahaya.
 - penebangan hutan secara berleluasa akan menyebabkan kekurangan udara segar.
 - industri pelancongan akan lumpuh akibat destinasi pelancongan yang tidak terpelihara.

LATIHAN 15 : PULAU PINANG

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara berbelanja secara berhemat oleh golongan muda dan kekangan untuk menggalakkan mereka menabung**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tabiat berbelanja melebihi pendapatan dipercayai menjadi faktor anak muda di negara ini terjerat dalam krisis kewangan. Situasi ini jika tidak ditangani, pasti memberikan kesan buruk kepada tabungan negara. Selain itu, timbul keadaan golongan muda menghadapi masalah kewangan kronik apabila usia mereka meningkat dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang jika beban hutang yang ditanggung hari ini tidak **dilangsaikan sepenuhnya**.

Sebenarnya, prinsip pengurusan kewangan bukanlah sesuatu yang sukar untuk dipraktikkan jika anak muda mahu berubah sikap dan lebih berdisiplin ketika mengurus hal-hal kewangan mereka. Bagi mereka yang mempunyai maklumat asas tentang perancangan kewangan pasti tidak sukar untuk melakukannya. Anak muda yang tidak arif pula, usahlah malas membaca dan membuat kaji selidik bagi mencari penyelesaian terhadap beban kewangan. Tiada masalah yang tidak dapat diselesaikan, di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Mereka perlu menentukan matlamat dalam mengurus kewangan untuk masa hadapan mereka, misalnya menyambung pelajaran, membeli rumah, atau mendirikan rumah tangga. Apabila kita sudah menentukan matlamat kewangan, sudah pasti aliran kewangan kita akan menjadi lebih teratur dan terancang.

Jika golongan muda merasakan bahawa pada setiap akhir bulan mereka gagal untuk menyimpan wang, inilah masanya untuk mereka memantau dan mengawasi perbelanjaan semasa. Perkara penting yang perlu dilakukan adalah dengan menyemak aliran perbelanjaan mereka pada setiap hujung bulan. Sekiranya mereka melakukan semakan, maka mereka akan mengetahui sama ada perbelanjaan mereka lebih cenderung ke arah keperluan ataupun atas kehendak nafsu semata-mata. Tidak dapat dinafikan bahawa ada golongan muda yang lebih cenderung untuk terus berbelanja sepuas-puas hati hingga lupa untuk menabung. Hal ini, biasanya terjadi kepada orang muda yang baru melangkah ke alam pekerjaan. Bagi mengelakkan perkara ini terus terjadi, mereka yang baru memasuki alam pekerjaan perlu mencatat butiran perbelanjaan dan merancang aliran perbelanjaan sepanjang bulan. Konsep perbelanjaan yang betul dan sepatutnya ialah perbelanjaan tidak melebihi pendapatan. Oleh yang demikian, setiap kali menerima gaji bulanan mereka perlu menabung untuk masa hadapan.

Penularan penggunaan kad kredit juga kini menjadi trend yang sukar untuk dibendung dalam kalangan orang muda. Perkara yang membimbangkan kita ialah mereka menggunakan kad kredit sebagai jalan mudah untuk membeli-belah dan membayar hutang. Seharusnya, mereka mengelakkan penggunaan kad kredit sebaliknya, menggunakan wang tunai ketika berbelanja. Sekiranya mereka berbelanja mengikut hawa nafsu ketika menggunakan kad kredit, hal ini akan menyebabkan mereka terjebak dalam kancas hutang, seterusnya dikejar oleh 'along'. Oleh itu, golongan muda perlu berhemat ketika berbelanja.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Urus RM, Tip Belanja Berhemat, Elak Jadi Hamba Duit'
Oleh Alzahrin Alias, *Berita Harian*, 12 Mac 2011)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **dilangsaikan sepenuhnya**. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** kesan yang akan timbul sekiranya golongan muda boros berbelanja. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan golongan remaja menabung? [4 markah]

SKEMA PULAU PINANG

Pendahuluan

Petikan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah/kaedah-kaedah berbelanja secara berhemat dalam golongan muda.

Isi Tersurat:

1. anak muda mahu berubah sikap dan lebih berdisiplin ketika mengurus hal-hal kewangan mereka
2. membaca dan membuat kaji selidik bagi mencari penyelesaian terhadap beban kewangan
3. Mereka perlu menentukan matlamat dalam mengurus kewangan untuk masa hadapan mereka
4. mereka memantau dan mengawasi perbelanjaan semasa
5. menyemak aliran perbelanjaan mereka pada setiap hujung bulan
6. mencatat butiran perbelanjaan
7. merancang aliran perbelanjaan sepanjang bulan
8. setiap kali menerima gaji bulanan mereka perlu menabung untuk masa hadapan
9. Seharusnya, mereka mengelakkan penggunaan kad kredit
10. menggunakan wang tunai ketika berbelanja

Isi Tersirat

1. kurangnya pengetahuan atau cetek ilmu tentang kepentingan menabung/golongan muda kurang kesedaran tentang kepentingan menabung.
2. remaja terpengaruh oleh iklan jualan murah/promosi
3. tawaran pinjaman peribadi secara mudah oleh syarikat kewangan/bank
4. kelulusan pengeluaran kad kredit mudah
5. kos sara hidup tinggi di bandar menghalang remaja menabung
6. kurang ilmu/kemahiran mengurus kewangan
7. pendapatan remaja yang terhad/cukup untuk tempoh sebulan
8. terpengaruh dengan gaya hidup moden

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlulah berganding bahu untuk menggalakkan golongan muda berbelanja secara berhemat supaya masa depan mereka lebih terjamin.

Soalan 2 (a) Petikan Umum

(i) Maksud:

- dijelaskan/dibayar/dilunaskan/diselesaikan kesemua/keseluruhan hutang/pinjaman

(ii) Kesan:

- terjerat dalam krisis kewangan
- kesan buruk kepada tabungan negara.
- golongan muda menghadapi masalah kewangan kronik apabila usia mereka meningkat dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.
- menyebabkan mereka terjebak dalam kancah hutang seterusnya dikejar 'along'

(iii) Usaha kerajaan:

- melancarkan tabung amanah seperti ASN/ASB dan sebagainya
- melancarkan tabung pendidikan seperti PTPTN
- menganjurkan kempen seperti Kempen Galakan Menabung.
- melalui perundangan mewajibkan simpanan daripada pendapatan seperti KWSP.
- memperkenalkan pakej perlindungan insurans hayat/keluarga yang menarik
- memberikan pengetahuan/didikan melalui media tentang kepentingan menabung
- menganjurkan seminar tentang galakan menabung

LATIHAN 16 : WILAYAH PERSEKUTUAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang ciri-ciri remaja yang berkualiti dan kesannya terhadap negara. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

"Beri saya seratus belia waja, nescaya akan saya gegarkan dunia," begitulah proklamasi Soekarno, Presiden Indonesia yang pertama tentang golongan muda. Jelaslah bahawa remaja merupakan aset penting dalam sesebuah negara kerana mereka ialah generasi pewaris yang akan mengambil alih tampuk kepemimpinan negara pada masa hadapan. Generasi remaja pada masa ini merupakan faktor utama dan elemen penting yang mesti digerakkan untuk dijana menjadi produk negara yang berkualiti tinggi. Kewibawaan dan kecemerlangan mereka menjadi input dalam membina kekuatan dan nilai masyarakat dalam pelbagai bidang.

Menyedari peranan remaja kini amat berharga kepada negara, maka seharusnya remaja memajukan diri supaya dapat menjamin kecemerlangan dalam bidang yang diceburi nanti. Golongan remaja diharap akan terlibat secara langsung dengan pertumbuhan, kemajuan dan perkembangan negara secara positif dan proaktif. Remaja perlu membina kecemerlangan diri secara holistik baik dari segi peribadi, mental, ilmu dan juga amal. Remaja hendaklah berpegang teguh pada agama. Tidak kira apa-apa pun agama yang dianuti, remaja mestilah melakukan ibadat pada setiap hari. Agama merupakan pedoman dan 'pelita hidup' yang membawa remaja ke jalan yang betul. Sementara itu pula kita sekarang berada dalam arus dunia tanpa sempadan atau globalisasi yang penuh dengan cabaran. Pembaharuan dan perubahan berlaku dengan pantas. Di bahu remajalah tersandarnya harapan negara untuk mendepani segala cabaran yang mendatang. Hamka pernah mengatakan, "Jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah kepada pemuda-pemudinya."

Untuk mendepani dunia moden alaf baru ini, remaja perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Remaja yang majoritinya terdiri daripada pelajar seharusnya meneroka pelbagai disiplin keilmuan yang ada. Bagi pelajar aliran sains misalnya, mereka tidak seharusnya bertumpu kepada bidang sains sahaja tetapi hendaklah juga mengambil peluang mencedok ilmu daripada bidang sastera juga. Begitulah sebaliknya bagi pelajar aliran sastera. Dari segi tanggungjawab sosial pula, remaja seharusnya berusaha mewujudkan kesejahteraan sosial berteraskan prinsip saling menghormati untuk membina sebuah masyarakat majmuk yang maju dan harmoni sesuai dengan Gagasan 1 Malaysia. Remaja hendaklah prihatin terhadap isu semasa dan segala masalah masyarakat. Mereka seharusnya tampil bersama-sama menangani permasalahan yang timbul. Selain itu, remaja juga mestilah menanam sikap mengambil berat terhadap sejarah negara. Semangat yang ditunjukkan oleh pejuang-pejuang bangsa hendaklah dijadikan iktibar dalam mempertahankan maruah negara. Sebagai aset negara, remaja hendaklah menjauhkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, melepak, berlumba haram, laku musnah, jenayah dan seumpamanya yang akan merugikan diri sendiri dan negara. Sebaliknya, remaja hendaklah merebut peluang yang ada dan tidak leka atau alpa kerana 'masa itu emas' dan peluang tidak akan datang berkali-kali.

Tegasnya, remaja mempunyai peranan yang penting dan tanggungjawab yang besar terhadap negara. Oleh hal yang demikian, remaja hendaklah melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran atau latihan supaya mampu berdikari dan melahirkan jati diri yang benar-benar ampuh untuk berdepan dengan perubahan semasa. Tenaga muda yang ada pada hari ini akan menjadi modal insan yang bakal memacu kemajuan negara ke singgahsana kegemilangan pada alaf baru ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Mengelek Harapan Mengusung Wibawa'
Oleh Izan Haji Daud dalam Fokus SPM, Mac 2010)

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **melahirkan jati diri**. [2 markah]
- (ii) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh remaja kini? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, jelaskan usaha-usaha yang patut dilakukan untuk melahirkan remaja yang memiliki sahsiah yang terpuji? [4 markah]

SKEMA WILAYAH PERSEKUTUAN

Pendahuluan

Petikan membincangkan kriteria-kriteria/elemen-elemen yang diperlukan untuk menjadi seorang remaja yang berkualiti

Isi Tersurat

1. memajukan diri supaya dapat menjamin kecemerlangan dalam bidang yang diceburi
2. terlibat secara langsung dengan pertumbuhan, kemajuan dan perkembangan negara secara positif dan proaktif
3. berpegang teguh pada agama
4. melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan
5. berusaha mewujudkan kesejahteraan sosial berteraskan prinsip saling menghormati
6. prihatin terhadap isu semasa dan segala masalah masyarakat
7. menanam sikap mengambil berat terhadap sejarah negara
8. menjauhkan diri daripada terlibat dalam gejala negatif
9. merebut peluang yang ada dan tidak leka atau alpa
10. melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran atau latihan

Isi Tersirat

1. negara mempunyai generasi pelapis yang berkualiti
2. negara memiliki tenaga kerja yang mahir
3. negara akan melahirkan modal insan yang berketerampilan
4. produktiviti negara akan meningkat
5. kadar pengangguran semakin rendah

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap remaja mestilah meningkatkan kualiti diri supaya negara dapat melahirkan generasi yang berketerampilan dan bersahsiah tinggi.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

(i) Maksud

- membentuk/membina personaliti/kewibawaan

(ii) Cabaran:

- arus dunia tanpa sempadan atau globalisasi yang penuh dengan cabaran.
- pembaharuan dan perubahan berlaku dengan pantas
- gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, melepak, berlumba haram, laku musnah, jenayah dan seumpamanya yang akan merugikan diri sendiri dan negara

(iii) Usaha-usaha

- kerajaan mengadakan kempen kesedaran kepada remaja secara malar
- pihak sekolah meningkatkan penerapan nilai murni kepada pelajar
- ibu bapa menjadi suri teladan kepada anggota keluarga
- melaksanakan kem/bengkel/seminar kesedaran kepada remaja
